



# Pek Pelabur Muda dari OCBC Securities bagi galak pelaburan

**ANDA** ingin cuba melabur dalam saham tetapi masih di bawah usia 21 tahun?

Ataupun anda ingin berjinak-jinak dengan dunia pasaran tetapi belum cukup keyakinan dan pengetahuan untuk melangkah dalam dunia pelaburan saham?

Kini, para pelajar yang ingin cuba melabur boleh membuka akaun perdagangan (*pre-trading account*) bersama OCBC Securities.

OCBC Securities adalah anak syarikat OCBC Bank dan merupakan firma broker saham setempat.

Baru-baru ini, OCBC Securities telah melancarkan Pek Pelabur Muda atau *Young Investor Pack* bagi membantu pelabur muda mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran mereka untuk melabur.

Bagi pelajar yang berusia 21 tahun ke atas, mereka akan menerima akaun dagangan online bersama OCBC Securities, buku panduan *Young Investor Pocketbook*, undangan bagi menghadiri seminar dan forum pelaburan serta buku pelaburan bertajuk *Winning Investment Habits of Warren Buffet and George Soros*.

Mereka yang berusia di bawah 21 tahun pula akan menerima pek yang sama, namun akaun dagangan tersebut adalah akaun pra-dagang.

Ini bermakna, walaupun pelajar tersebut tidak dapat melabur dalam pasaran saham kerana belum cukup umur, mereka dapat memantau pasaran saham serta mendapatkan laporan kajian saham dari OCBC Securities.

"Jumlah pelabur muda di Singapura

terus meningkat dan lebih ramai daripada golongan muda sedar pentingnya membuat keputusan yang bijak dan berkesan dalam menguruskan kewangan mereka.

"Bukan sahaja jumlah akaun dagangan yang dibuka golongan muda berusia 20-an tahun meningkat setiap tahun, tetapi kadarnya juga meningkat," kata Encik Hui Yew Ping, Pengarah Urusan OCBC Securities.

Encik Hui menarik perhatian bahawa tahun lalu, 20 peratus daripada akaun dagangan baru yang dibuka merupakan akaun golongan yang berusia dalam lingkungan 20-an tahun.

Dalam pada itu, para pelajar menyambut baik pek yang ditawarkan OCBC Securities itu.

Cik Shahila Azlin Suleiman, 22 tahun, berpendapat dengan akaun perdagangan yang ditawarkan OCBC Securities, ia adalah wadah yang berguna bagi pelabur muda sepertinya yang ingin melabur dalam saham tetapi belum cukup keyakinan.

"Sekurang-kurangnya kini saya dapat pantau pasaran saham dengan lebih aktif, teliti laporan kajian dan dapatkan lebih pengetahuan sebelum saya benar-benar yakin mula melabur dalam saham," kata Cik Shahila, penuntut Universiti Teknologi Nanyang (NTU) yang telah mula melabur dalam dana amanah.

Mereka yang ingin mendaftar bagi Pek Pelabur Muda itu boleh mendapatkan borang pendaftaran di OCBC Securities atau dapatkan maklumat lanjut dengan menghantar e-mel kepada [younginvestor@ocbcsec.com](mailto:younginvestor@ocbcsec.com).